

KESEMPURNAAN FARDHU KIFAYAH

'Alaikum bi al-tijārat fa 'inna fīhā tis 'ah 'ashārā al-rizq.-hadis riwayat Ibrahim al-Ḥarbī.

Maksudnya: Hendaklah kamu berniaga bahawa sesungguhnya perniagaan itu sembilan puluh peratus rezeki. Dalam riwayat yang lain diterangkan dengan lafaz yang maksudnya: Sembilan peratus rezeki itu ada dalam perniagaan.

(Oleh al-Ustadh Iya 'Abd al-Rahman)

Berdasar atas riwayat yang tersebut dapat kita mengatakan bahawa agama Islam atau Rasulullah shallā Allah 'alaihi wa sallam telah menetapkan rezeki itu sebahagian yang terbesar dapat dicari dengan jalan perniagaan, dan perniagaan itu adalah suatu usaha yang dianjurkan oleh agama Islam. Kalau perniagaan itu kebanyakannya di tangan orang asing maka ertinya sembilan puluh peratus rezeki yang ada di negeri kita itu bukan dalam tangan kita; dan oleh itu tidaklah hairan kalau yang menerima nikmat kekayaan dan kesuburan negeri ini hampir-hampir tidak terlihat di dalam lingkungan bangsa kita.

Walau bagaimanapun kayanya sesebuah negeri dengan berbagai-bagai benua, bahan mentah dan hasil bumi, kalau rakyatnya melarat daripada jasa, ilmu dan amal untuk mengubah sifat bahan-bahan itu, umpamanya daripada kapas menjadi kain, hutan diubah untuk menjadi sawah, kayu menjadi alat dan perhiasan rumah, maka tetapi rakyatnya akan ada di dalam kemiskinan.

Baik pekebun atau kilang yang dapat mengubah sifat benda dan dapat mengumpulkan bahan mentah dan bahan makanan, tidak menjadi keuntungan kerananya tidak syak lagi akan kebenaran sabda Rasulullah tadi iaitu sembilan puluh peratus rezeki kita itu ada dalam perniagaan.

Sekiranya ditakdirkan ada sebuah negara yang kaya dengan benda, kaya dengan berbagai-bagai hasil bumi dan bahan-bahan

mentahnya; dan rakyatnya kaya dengan jasa yakni pintar dan kemajuan untuk memelihara rezeki dengan jalan bertani, berkilang dan berniaga, tetapi kalau terlepas daripada ketuhanan dan keagamaan maka akibatnya nikmat itu akan menjadi penderitaan umat dan harus hanya menjadi syurga bagi kaum yang zalim dan kejam sebab pada ketika yang sedemikian itu dan dalam masyarakat yang penuh dengan kekufuran dan musyrik itu sembilan puluh peratus rezeki dan kekayaan akan beredar dan berputar-putar di dalam lingkungan yang zalim dan anti agama.

Benda (kekayaan) negara apabila tidak disertai oleh jasa dan kerajinan bekerja dan usaha rakyat yang tidak disertai benda atau bahan-bahan itu maknanya kosong dan hampa.

Agama memelihara rezeki

Yang terakhir dan mustahak dalam huraian ini ialah jasa rakyat atau umat serta kekayaan negeri kita jika tidak dilindungi agama maknanya kacau tidak aman dan semua nikmat itu akan beralih menjadi ancaman dan seksaan bagi umat. Rasulullah shallā Allah 'alaihi wa sallam bersabda maksudnya: sebaik-baiknya harta itu ialah harta yang halal yang ada pada yang salih (orang-orang baik-baik).

Dengannya agama Islam bukannya hanya menganjurkan supaya sebahagian daripada umatnya menyempurnakan fardhu kifayahnya iaitu

berniaga atau lain-lain usaha tetapi memberi keterangan bagaimana caranya dan apa tujuannya seorang ahli perniagaan, supaya perniagaan yang membawa 90 peratus rezeki itu memberi rahmat kepada umat sebab perniagaan itu meliputi semua kepentingan umat kerana kalau tidak ia menjadi penjual sudah tentu ia menjadi pembeli. Rasulullah bersabda maksudnya: ahli perniagaan yang jujur (tidak suka dusta dan menipu) pada hari kiamat akan dibangkitkan bersama-sama orang yang jujur dan mati syahid. (Hadis riwayat al-Tirmidhī)

Sabdanya lagi maksudnya: tidak ada seorang pembawa masuk yang mendatangkan makanan ke negeri daripada antara negeri-negeri Islam, dan ia jual dengan harga-harga itu (bukan harta pasar gelap) maka martabatnya pada sisi Allah seperti martabat orang yang mati syahid.

Kedua-dua hadis tersebut menjelaskan bagaimana agama Islam menggemarkan umat supaya berniaga dan berusaha dengan jujur. Di dalam riwayat al-Tirmidhī ada lagi hadis yang menerangkan bahawa saudagar yang amanah (tidak khianat) dan jujur itu beserta Nabi-nabi, orang-orang jujur, orang yang mati syahid dan salihnya. Sebaliknya saudagar yang tidak jujur, yang khianat diterangkan dalam hadis (yang maksudnya): “saudagar (yang tidak jujur) akan dibangkitkan pada hari kiamat sebagai orang-orang yang jahat.”

Keliru benar sekiranya orang yang beriman memandang bahawa iktisad dan termasuk perniagaan itu bukan amal salih, atau tidak termasuk ke dalam amal salih dengan alasan hadis palsu “dunia ini seperti bangkai” yang didakychkan di masjid-masjid pada zaman penjajahan-penjajahan.

Dalam al-Quran diterangkan harta yang dimiliki oleh kita atau oleh orang lain itu termasuk “*amwā al-kam*” ertinya harta kamu sebagai umat, akan tetapi tidak bermakna bahawa barang-barang itu boleh kita ambil mengikut sekehendak kita tetapi mesti dimanfaatkan mengikut undang-undang dan peraturannya, di antara lain-lain ialah dengan aturan

perniagaan.

Firman Allah maksudnya: Hai orang-orang yang beriman janganlah kamu makan harta kamu dengan jalan yang batil di antara kamu kecuali dengan jalan jual beli, yang satu dengan lain redha, dan jangan kamu membunuh diri kamu (dalam perniagaan) sesungguhnya Allah itu sangat sayang kepada kamu—(al-Nisā’ ayat 23)

Dalam ayat itu dilarang membunuh diri dan oleh kerana pembunuhan itu adanya dalam urusan perniagaan maka tentu maknanya bukan menggantung diri akan tetapi adalah segala usaha perniagaan dan amal usaha yang melanggar agama yang mana akibatnya sama ada dengan membunuh umat, runtuh negara dan memperkosa agama.

Nasihat Imam Ghazālī

Dalam kitabnya *Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn* al-Imām Ghazālī raḍīy Allāh ‘anh menerangkan bahawa pengusaha itu hendaklah bekerja dengan rasa keagamaan. Di antara lain-lain dinasihatkan: tidak patut pengusaha-pengusaha itu dilalaikan oleh perusahaan sehingga ia lupa akan tujuan hidup, tempat ia balik supaya umurnya jangan habis dengan sesia belaka. Hendaklah ia berusaha dengan niat supaya mendapat rezeki yang halal bagi dijadikan bakal memenuhi kewajipan dirinya sebagai hamba Allah, Hendaklah diniatkan bahawa pekerjaannya itu sebagai menunaikan fardhu kifayah. Untuk menyempurnakan apa yang dihajati oleh masyarakat dan umat.

Seorang Islam tatkala menjalankan perusahaannya tidak boleh melupakan kewajipannya terhadap khalaknya sebagaimana firman Allah di dalam al-Quran maksudnya: orang Islam itu adalah orang yang tak dapat dilalakan oleh perniagaan dan perusahaannya daripada mengingati Allah, dan mendirikan sembahyang serta mengeluarkan zakat.

Inilah sebahagian nasihat Imam Ghazālī yang apabila difikir dan direnungkan semula nampak kepada kita bagaimana tujuan

serta cara orang Islam mesti bermuamalah, bergaul memelihara benda dan jasa bagi menghasilkan rezeki yang halal dan menikmati rahmat Allah yang disediakan bagi makhluk di dunia ini.

Sudah terang bahawa agama Islam itu meliputi segala urusan dan semuanya itu mempunyai aturan dan undang-undang yang kerananya Islam tidak boleh dipandang sebagai agama yang hanya dapat digunakan apabila ada masjid dan suara sahaja tetapi agama Islam digunakan setiap masa. Di semua tempat dan di dalam segala amal dan usaha. Apabila agama dan ketuhanan, iman dan tauhid diketepikan, maka segala kemajuan dunia bermakna kemunduran yang hanya dapat membawa kemewahan tetapi tak dapat membawa kepada keselamatan diri dan umat umumnya.

Agama menzahirkan tiga sifat

Dalam pergaulan itu mustahak kepada tiga sifat yang tak dapat dimiliki dan disempurnakan kecuali dengan jalan agama dan iman, iaitu sifat malu, amanat dan benar (tidak dusta) Rasulullah shallā Allāh ‘alaihi wa sallam bersabda maksudnya: malu itu adalah sebahagian daripada iman. Pada lain hadis pula diterangkan bahawa malu itu tidak lain daripada kebaikan malu yang dimaksud adalah sebagai mendatangkan penahan (*break*) kepada kebendaraan yang apabila lepas daripada penahan itu untuk meluncur mudah tergelincir kesudahannya binasa dan membinasakan.

Bukan sedikit amal perbuatan yang jahat tidak jadi dilakukan kerana malu kepada kawan-kawannya, atau malu oleh dirinya sendiri melanggar peri kemanusiaan akan tetapi sekiranya sifat malu hanya di hadapan kawan-kawan sahaja tentu apabila bersendirian atau tidak ada kawan yang dimulai ia tentu merdeka melakukan perkara-perkara yang diperintah oleh syaitan dan nafsunya, kerana itu sifat malu itu perlu disempurnakan dengan agama dan iman supaya segala amal yang buruk itu selamanya dijauhi sebab

ia percaya bahawa Tuhan itu selamanya melihat dan mencatat serta akan membalas segala amal perbuatan sekalipun di tempat yang sangat gelap.

Kalau sifat malu itu hilang, perniagaan dan semua perusahaan (benda dan jasa) tidak akan maju, sebab ia berleluasa melakukan kecurangan, dan kerana itulah agama dan iman wajib dipelihara supaya segala kemajuan dalam medan kebendaan dan jasa itu menjadi rahmat.

Menipu, khianat, tak mahu bayar hutang semuanya itu tak dapat dilakukan orang selama ia mempunyai sifat malu tetapi kalau malunya itu terbatas kepada manusia sahaja tentu dapat dilakukan kalau ia pintar memutar lidah atau menyembunyikannya daripada pemandangan manusia. Rasulullah shallā Allāh ‘alaihi wa sallam bersabda maksudnya: tidak ada iman sebagai orang yang tidak bersifat amanat.

Perusahaan yang ertinya memelihara dan memajukan benda dan jasa tak dapat dikerjakannya sendiri mesti ada yang diserahkan kepada saudagar, pengawal dan pengurang wang serta lain-lainnya. Negara tidak dapat diurus oleh seorang presiden atau seorang raja tetapi tentu pekerjaan dan tanggungjawab itu mesti dibahagi-bahagi; supaya negara ada di dalam kemajuan dan keamanan mestilah dikawal oleh polis dan tentera; kewangannya mesti diatur dan lain-lain pekerjaan lagi.

Walau bagaimanapun banyaknya diserahkan pekerjaan dan pengawal itu walaupun cukup lengkap alat senjatanya yang demikian tetap tidak akan sempurna dan tidak akan aman sekiranya orang-orang yang memikul pekerjaan itu tidak amanah; semakin banyak pengawal dan pekerja yang khianat bukannya semakin sempurna tetapi semakin mudah dilakukan “tumbuk rusuk” penindasan dan penipuan. Sebab yang melakukannya orang-orang yang diserahkan pekerjaan bertanggungjawab itu.

(sambungan pada muka 28)